

**AKTIVITI PENDIDIKAN ISLAM DAN KEPENTINGANNYA DALAM  
PEMBINAAN AKHLAK SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR**

Islamic Education Activities And Its Importance In Building Teacher Students' Morality At  
The Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

<sup>1</sup>Jainudin Ngah, <sup>2</sup>Zahiah Haris @ Harith, PhD  
<sup>3</sup>Fariza Md. Sham, PhD, <sup>4</sup>Nur 'Athiroh Masyaa'ill Tan Abdullah, PhD  
<sup>1&2</sup> Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur  
<sup>3&4</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia  
e-mel: jainudin@ipgkik.edu.my

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan siswa guru terhadap aktiviti Pendidikan Islam dan kepentingannya dalam pembinaan akhlak siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (IPGKIK). Kajian ini adalah penting kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) kerana menyediakan maklumat bagi memastikan aktiviti Pendidikan Islam yang dilaksanakan dapat meningkatkan akhlak siswa guru di IPGK. Kajian ini melibatkan temu bual seramai sembilan orang siswa guru PISMP, IPGKIK sebagai peserta kajian. Mereka merupakan siswa guru PISMP semester tiga ambilan Jun 2019 dan semester lima ambilan Jun 2020. Kajian menggunakan kaedah kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes dan dianalisis data secara tematik. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu aktiviti Pendidikan Islam yang dijalankan dan kepentingannya dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK. Kajian mendapati terdapat enam jenis aktiviti yang telah dilaksanakan dan lapan kepentingan aktiviti telah dikenal pasti dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK.*

Kata kunci: aktiviti pendidikan Islam, kepentingan, pembinaan akhlak siswa guru.

**ABSTRACT**

*This study aims to look at the perceptions of trainee teachers on Islamic Education activities and its importance in building the morals of trainee teachers at the Institute of Teacher Education Special Knowledge Campus, Kuala Lumpur (IPGKIK). This study is important to the Malaysia Institute of Teacher Education (IPGM) because it can provide useful information to ensure that Islamic Education activities carried out can build the morale of trainee teachers at the Institute of Teacher Education Campus (IPGK). This study involved the interviews of nine trainee teachers of PISMP, IPGKIK as the research participants. They are PISMP trainee teachers of semester three, June 2019 intake and semester five, June 2020 intake. This study is a case study that used qualitative method and data were analysed thematically. This study focuses on two objectives of the study, namely Islamic Education activities and their importance in building the morale of trainee teachers at IPGKIK. The findings of this study found that there are six types of activities that have been implemented and eight importance of these activities in building the morale of trainee teachers in IPGKIK.*

Keywords: Islamic education activities, importance and moral development of teacher students.

## PENGENALAN

Sistem pendidikan yang digubal dalam sesebuah negara amat penting kerana adalah hala tuju pembinaan masyarakat pada masa akan datang. Pendidikan mempunyai matlamat yang menyeluruh untuk kepentingan masyarakat dan negara. Matlamat Pengajaran Pendidikan Islam di sekolah umumnya bertujuan melahirkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan diri, beramal soleh dan berakhlak mulia serta menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai panduan (Yusni et al., 2018).

Pendidikan adalah satu platform untuk membentuk akhlak, watak, tingkah laku dan peribadi seseorang untuk menjadi insan mulia yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara (BPK, KPM, 2016). Justeru, bagi merealisasikan usaha tersebut, maka Pendidikan Islam amat penting untuk membentuk tabiat dan sikap seseorang manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada jasmani, rohani, akal, emosi, akhlak mahupun mahupun sosial supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Perkembangan pendidikan di negara ini berhadapan dengan era kemajuan yang pesat dan menghadapi masa depan yang mencabar terutama dalam profesion perguruan. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) adalah salah sebuah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang dipertanggungjawabkan untuk melatih bakal guru bagi memenuhi tuntutan masyarakat dan negara (KPM, 2015). Justeru, personaliti bakal guru sebagai generasi pendidik anak bangsa dan negara mestilah mempunyai akhlak yang unggul dan keperibadian yang mulia.

Pelaksanaan Pendidikan Islam dalam latihan perguruan memberikan implikasi yang besar di dalam pembentukan dan pembinaan akhlak dalam kalangan siswa guru. Sesungguhnya peranan ini akan dapat direalisasikan sekiranya mata pelajaran Pendidikan Islam dimartabatkan dan dilaksanakan dengan sewajarnya. Pendidikan Islam merupakan wadah penting yang dapat membentuk dan melahirkan insan yang seimbang dan sepadu dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam (Asmawati et al., 2015).

Pelbagai program pendidikan yang ditawarkan di IPGKIK iaitu Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) yang akan menyambung pelajaran di peringkat Ijazah iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) yang mengambil masa selama lima tahun. Di samping itu, terdapat kursus Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI), Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), Pengsiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR), B.Ed TESL dan Program Pengsiswazahan Guru (PPG).

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) adalah antara dua puluh tujuh Institusi Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diberi tanggungjawab untuk melatih bakal guru mengikut bidang dan jurusan yang dipilih. Setiap siswa guru yang dilatih sebagai bakal guru mesti mempunyai sikap tanggungjawab untuk melahirkan murid yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni yang dituntut dalam ajaran Islam (Jainudin et al., 2017). Seorang guru yang profesional dan kompeten seharusnya mempunyai integriti dan kredibiliti yang boleh diteladani. Justeru, peranan guru bukan hanya menyampaikan ilmu pengetahuan dan maklumat tetapi juga berperanan dalam membimbing dan mendidik murid di sekolah supaya menjadi insan yang berpekeriti mulia.

Mata pelajaran Pendidikan Islam diajarkan kepada siswa guru sama ada sebagai mata pelajaran umum dan kursus elektif. Mata pelajaran Pendidikan Islam umum diwajibkan kepada semua siswa guru Muslim bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) dalam semester kedua dan Program Ijazah Pendidikan Sarjana Muda (PISMP) di semester keempat. Kursus elektif Pendidikan Islam ditawarkan kepada siswa guru Program Ijazah Pendidikan Sarjana Muda (PISMP) di semester kelima dan semester ketujuh (Buku Panduan PISMP, KPM, 2015).

Jumlah program pendidikan Islam yang dilaksanakan dalam bidang akademik dan kokurikulum kepada siswa guru masih kurang bilangannya sehingga menyebabkan asas pendidikan kerohanian yang utama tidak diberi keutamaan apatah lagi siswa guru yang tinggal di luar asrama. Kehidupan seharian mereka tanpa kawalan dan pemerhatian dari institut apatah lagi berada di pinggir kota metropolitan. Sekiranya jati diri dan nilai agama yang bertindak sebagai tunjang utama dalam diri tidak diberi perhatian, maka berkemungkinan mereka boleh terjebak dengan gejala sosial yang tidak bersesuaian dengan status bakal guru.

Sehubungan dengan itu, penampilan akhlak memainkan peranan yang penting kerana ianya menjadi inti pati kepada penghayatan dan pengamalan Islam. Pandangan ini juga selari dengan Muhammad dan Fadilah (1999) yang mengatakan bahawa akhlak mulia adalah penentu sama ada seseorang itu menghayati dan mengamalkan agama atau sebaliknya. Peranan akhlak sangat penting dan mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam kehidupan manusia (Nor Wahida & Muhammad Ridzuan, 2018).

### **PENYATAAN MASALAH**

Bagi program PPISMP dan PISMP, tempoh siswa guru berada di institut selama lima tahun adalah satu jangka masa yang lama dan perlu kepada pengkajian semula tentang mata pelajaran Pendidikan Islam dan pengisian aktiviti kerohanian kerana isu ini berkait rapat dengan sahsiah, tingkah laku dan akhlak pelajar. Seorang bakal guru perlu diberi pendidikan agama dan kerohanian yang mencukupi dalam pelaksanaan dan penghayatan agama. Profesion perguruan menjurus kepada mendidik dan membentuk insan bukannya menghasilkan produk dalam bentuk barangan. Menurut Sabitha (1995), kurangnya pendidikan agama dalam kalangan ibu bapa mahupun dalam kalangan anak adalah antara punca berlakunya permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda (Fauziah et al., 2012).

Kajian Asmawati et. al (2015) mengatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ini bertujuan melahirkan insan yang soleh, beriman, beramal dan berakhlak. Justeru, pernyataan ini memberi gambaran bahawa Pendidikan Islam perlu diajar sebagai mata pelajaran bersifat al-din. Matlamat pengajaran bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan semata-mata, namun tujuan yang lebih utama adalah tercapainya matlamat penghayatan dan pengamalan oleh setiap individu pelajar. Oleh yang demikian, aspek pelaksanaan dan pengajaran kursus Pendidikan Islam serta aktiviti yang berkaitan dengannya harus diberikan perhatian sewajarnya.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, aktiviti keagamaan seperti usrah individu dan berkumpulan, kuliah Maghrib, kelas Fardhu 'Ain, ceramah sempena hari kebesaran Islam dan kelas al-Qur'an yang diadakan di kawasan kampus kurang mendapat sambutan dari kalangan siswa guru yang tinggal di kolej kediaman. Situasi ini tidak hanya berlaku kepada siswa guru yang berada di dalam kampus, bahkan turut melibatkan siswa guru yang berada di luar kampus. Sepanjang empat tahun tempoh pengajian, siswa guru hanya dibenarkan tinggal di kolej kediaman selama dua semester sahaja. Mereka diarahkan mencari penginapan di luar kampus dengan menyewa kondominium, apartmen atau bilik persendirian di lokasi berdekatan kampus. Kesannya, mereka tidak lagi terlibat dengan aktiviti agama yang dianjurkan oleh Persatuan Siswa Guru Islam (PSGI) dan Jawatankuasa Surau Ta'dib IPG Kampus Ilmu Khas.

Dalam keadaan usia mereka yang masih remaja, apabila mereka tidak lagi berada di bawah pemantauan pihak institut secara langsung, dikhuatiri mereka terdedah kepada pengaruh luaran yang negatif dan kehidupan sosial yang tidak sihat sekiranya mereka tidak memiliki pendidikan kerohanian dan agama yang teguh. Pandangan ini selari dengan kajian yang dilakukan Nor Azizah et al., (2019) bahawa dalam peringkat remaja, pelbagai masalah yang melibatkan pelanggaran syariat Islam antaranya gejala sosial dan isu akidah boleh berlaku. Situasi sebegini memberi impak dalam membentuk peradaban dan pemantapan akhlak sekiranya pengamalan agama dari segi akidah, ibadah dan akhlak tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Ketiadaan kesedaran dan inisiatif siswa guru sendiri dalam mencari ilmu Fardhu Ain dan mendalami ilmu agama turut menjadi faktor kurangnya penghayatan dan pengamalan agama di kalangan mereka. dalam proses pemantapan rohani dan pembinaan akhlak. Siswa guru seharusnya melengkapkan diri dengan ilmu keagamaan dan spiritual bagi mengelakkan mereka daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama. Pernyataan ini selari dengan kajian oleh Ahmad Sahlan et al. (2020) yang berpendapat bahawa pelaksanaan aktiviti agama dapat mengelakkan seseorang individu daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak. Usaha ini adalah satu proses berterusan dalam menerapkan nilai dan amalan agama dengan cara melaksanakan program bercorak kerohanian sama ada secara formal atau sebaliknya.

Dalam keadaan pemikiran yang belum matang, mereka berdepan dengan pelbagai gejala sosial di kawasan persekitaran seperti pergaulan bebas, pusat hiburan, kelab malam, pusat snooker dan lain-lain yang boleh memberi kesan negatif dalam tempoh pengajian dan kehidupan mereka. Ditambah dengan kejutan budaya sehingga menyebabkan gagal mengawal emosi, sekaligus hilang pertimbangan menyebabkan terjebak dalam kancah gejala sosial. Dalam hal ini kajian oleh Fariza & Zakaria (2011) mendapati remaja yang tidak berupaya menerima dan menyesuaikan diri terhadap beberapa perubahan yang berlaku terhadap dirinya ketika mengharungi zaman remaja mudah terlibat dengan gejala sosial.

Menurut *Laporan Prosiding Akta 174 IPG Kampus Ilmu Khas* (2009) terdapat lima kes salah laku pelajar PISMP iaitu memalsukan sijil sakit, ponteng kuliah, kecelaruan gender dan tidak menyempurnakan kerja kursus. Antara hukuman yang dikenakan ialah denda sebanyak RM500.00, amaran dan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan. Manakala bagi tahun 2010 terdapat enam kes yang telah di bawa kepada Akta 174 dengan kes kesalahan iaitu ponteng kuliah, memberi keterangan palsu, mencemar nama baik institut. Hukuman yang dikenakan ialah denda antara RM300.00 hingga RM 500.00, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan dan digantung pengajian.

Pada tahun 2011 terdapat 10 kes Akta 174 yang dikenakan dengan pelbagai kesalahan iaitu tidak hadir peperiksaan, membawa masuk nota ke dalam dewan peperiksaan, ponteng kuliah, melakukan kerja separuh masa sehingga mengganggu kehadiran kuliah. Seramai sepuluh (10) orang pelajar telah dikenakan denda sebanyak RM500.00 dan digantung pengajian. Pada tahun 2012 pula terdapat lapan (8) kes di bawah Akta 174 yang dibicarakan dengan isu yang sama iaitu terlibat dengan perlakuan tidak bermoral, tidak memohon kebenaran untuk berkahwin, menyembunyikan status mengandung, tidak hadir praktikum dan tidak hadir ke kuliah tanpa sebab. Antara hukuman yang dikenakan ialah denda sebanyak RM500.00, digantung pengajian dan dibuang daripada IPG Kampus Ilmu Khas (Rekod Laporan Prosiding Akta 174 Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi tahun 2011 dan 2012).

Berdasarkan pembentangan rekod di atas, sebahagian besar kes yang melibatkan hubungan tidak bermoral dan menyalahi batas agama, kecelaruan gender, tidak hadir kuliah dan peperiksaan adalah melibatkan siswa guru beragama Islam. Hanya dua (2) kes sahaja melibatkan siswa guru yang bukan beragama Islam iaitu ponteng kuliah. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku, tambahan pula mereka yang terlibat adalah bakal guru yang akan keluar ke dalam masyarakat sebagai golongan pendidik suatu hari nanti. Pada hakikatnya bakal guru perlu menonjolkan akhlak yang mulia dan penampilan diri yang tinggi nilainya kerana profesion guru adalah untuk mendidik murid di sekolah menjadi insan yang mulia dan patuh kepada ajaran agama. Justeru, kajian ini adalah relevan dengan perkembangan semasa untuk melihat bagaimana pelaksanaan aktiviti Pendidikan Islam mampu meningkatkan akhlak siswa guru sebagai idola kepada murid apabila ditempatkan di sekolah.

Selain daripada itu, aktiviti agama sebagai pengukuhan, pengamalan agama dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) amat penting semasa proses pembelajaran khususnya mata pelajaran pendidikan Islam kerana ilmu yang dipelajari boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian mereka. Kaedah PdP perlu memberi tarikan dan minat kepada pelajar serta memberi kesan dalam pembinaan dan peningkatan akhlak guru pelatih. Ekoran kurangnya impak yang mendalam terhadap penghayatan dan pengamalan agama dalam kalangan siswa guru, timbul beberapa persoalan dalam

mengenal pasti sejauhmana pelaksanaan aktiviti pendidikan Islam dan kepentingan aktiviti yang dijalankan sehingga kini di IPGKIK.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Dalam meneroka hubung kait dan kepentingan aktiviti pendidikan Islam dengan pembinaan akhlak siswa guru, justeru persoalan berikut ditimbulkan dalam kajian ini, iaitu:

- i. Apakah pandangan siswa guru terhadap aktiviti pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK?
- ii. Apakah kepentingan aktiviti pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK?

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk;

- i. mengetahui pandangan siswa guru terhadap aktiviti pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK.
- ii. mengetahui kepentingan aktiviti pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Zelditch dalam Kamarul Azmi Jasmi (2012) mengatakan bahawa pengumpulan data kualitatif hendaklah berdasarkan tiga syarat iaitu syarat kecukupan informasi, syarat efisiensi dan syarat pertimbangan etika.

#### **Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan seramai sembilan orang siswa guru semester tiga ambilan Jun 2019 dan semester lima ambilan Jun 2020, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPGKIK.

#### **Instrumen Pengumpulan Data**

Instrumen kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur berasaskan objektif kajian ini. Satu set soalan temu bual telah disediakan untuk mendapatkan maklumat. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah dengan mengemukakan soalan temu bual melalui aplikasi *WhatsApp* yang melibatkan seramai sembilan orang siswa guru semester tiga ambilan Jun 2019 dan semester lima ambilan Jun 2020, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang belajar di IPGKIK. Pemilihan berbeza semester bertujuan mendapatkan pelbagai pandangan siswa guru yang berada di IPGKIK yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pendidikan Islam di IPGKIK.

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

Seterusnya pengkaji menganalisis hasil temu bual secara kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema yang wujud daripada persoalan-persoalan kajian tersebut. Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

## Aktiviti Pendidikan Islam Dalam Pembinaan Akhlak Siswa Guru di IPGKIK

Terdapat enam (6) jenis aktiviti yang dilaksanakan dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK iaitu aktiviti pertama membaca al-Quran seperti surah Yaasin, surah al-Mulk dan surah al-Kahfi. Aktiviti kedua membaca al-Mathurat pada setiap pagi Jumaat di Surau Ta'dib. Aktiviti ketiga pengisian program seperti ceramah mingguan dan tazkirah selepas solat Maghrib di Surau Ta'dib. Aktiviti keempat ialah aktiviti anjuran Persatuan Siswa Guru Islam (PSGI) seperti program *Weekend of Warisun* (WOW), Program Bidadari dan Pengurusan Jenazah. Aktiviti kelima ialah mengadakan usrah umum dan aktiviti keenam ialah solat berjemaah di Surau Ta'dib.

Aktiviti pertama membaca al-Quran seperti surah Yasin, surah al-Mulk dan surah al-Kahfi seperti yang dinyatakan seperti peserta kajian pertama iaitu "bacaan al-Quran, al-Ma'thurat yang dijalankan oleh pihak IPG dan siswa guru merupakan usaha untuk mendidik siswa guru supaya melazimi al-Quran." (PK1). Begitu juga dinyatakan oleh peserta kajian kedua iaitu "al-Mulk malam Jumaat, dan bacaan Yaasin" (PK2). Seterusnya peserta kajian ketiga juga menyatakan "bacaan Yasin, Al-Kahfi dan bacaan Al-Mulk" (PK3). Peserta kajian ketujuh menambah iaitu "bacaan al-Quran sebelum kuliah yang mana dapat membentuk diri siswa." (PK7). Peserta kajian kesembilan juga menyatakan "al-Mulk pada hari Khamis" (PK9).

Aktiviti kedua ialah membaca al-Ma'thurat pada setiap pagi Jumaat di Surau Ta'dib. Hal ini jelas melalui temubual peserta kajian pertama iaitu "al-Ma'thurat yang dijalankan oleh pihak IPG dan siswa guru merupakan usaha untuk mendidik siswa guru supaya melazimi al-Quran" (PK1). Begitu juga temu bual dengan peserta kajian kedua iaitu "bacaan al-Ma'thurat pagi Jumaat". Seterusnya peserta kajian keempat yang menyatakan "bacaan al-Ma'thurat setiap hari Jumaat" (PK4). dan selari dengan kenyataan peserta kajian kesembilan iaitu "aktiviti lain seperti bacaan al-Ma'thurat pada pagi Jumaat" (PK9).

Aktiviti ketiga pengisian program seperti ceramah mingguan dan tazkirah selepas solat Maghrib di Surau Ta'dib seperti kenyataan peserta kajian pertama 'pengisian ustaz (surau Ta'dib) atau program atau bengkel yang memberi ilmu pengetahuan kepada siswa guru" (PK1). Seterusnya peserta kajian kedua pula menyatakan "tazkirah selepas solat Maghrib di surau Ta'dib (pengajian kitab-kitab oleh penceramah bebas)" (PK2). Peserta kajian kelima yang menyatakan "Ceramah mingguan dapat memberi ilmu yang baharu" (PK5). Seterusnya peserta kajian kelapan "Tazkirah/ ceramah daripada penceramah luar/ustaz dan ustazah atau daripada ahli PSGI" (PK8). Begitu juga peserta kajian kesembilan iaitu "pengisian selepas solat Maghrib oleh ustaz yang dijemput" (PK9).

Aktiviti keempat ialah aktiviti anjuran Persatuan Siswa Guru Islam seperti program WOW, program Bidadari dan Pengurusan Jenazah. Hal ini jelas melalui kenyataan peserta kajian pertama yang menyatakan "pertandingan yang berkaitan dengan isu semasa" (PK1). Seterusnya peserta kajian kedua iaitu "Aktiviti2 yang dianjurkan oleh PSGI (korban, berbuka puasa dan lain-lain)" (PK2). Seterusnya peserta kajian keempat menyatakan "sambutan ma'al hijrah" (PK4) dan peserta kajian kelima menyatakan "program WOW" (PK5). Peserta kajian keenam pula menyatakan "Pelaksanaan program WOW. Perjumpaan bidadari setiap bulan diisi dengan aktiviti mengikut tema yang ditetapkan. Contoh tema "Wanita, dirimu begitu berharga", maka akan diadakan aktiviti seperti perbezaan berhias tabarruj dan sederhana dan sebagainya" (PK6). Seterusnya peserta kajian ketujuh yang menyatakan "aktiviti-aktiviti seperti kursus pengurusan jenazah yang memberi keinsafan dalam diri" (PK7).

Aktiviti kelima ialah mengadakan usrah umum seperti peserta kajian keempat yang menyatakan "Usrah umum" (PK4) dan peserta kajian kelima yang menyatakan "usrah" (PK5) serta peserta kajian keenam iaitu "Usrah setiap minggu dibahagikan kumpulan yang diketuai para nuqaba' daripada kalangan PSGI" (PK6). Peserta kajian ketujuh iaitu "usrah umum dan berkumpul supaya siswa guru dapat munasabah diri dan mendapat pengisian" (PK7). Begitu juga peserta kajian kelapan yang menyatakan "usrah perdana ataupun usrah secara berkumpul" (PK8). Seterusnya peserta kajian kesembilan menyatakan "antara aktiviti pendidikan Islam yang dijalankan di IPG adalah seperti program usrah" (PK9).

Aktiviti keenam ialah solat berjemaah di Surau Ta'dib seperti kata-kata peserta kajian kelapan iaitu "aktiviti solat berjemaah ketika berada di IPG" (PK8).

Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa, keseluruhan peserta kajian ada mengikuti aktiviti Pendidikan Islam yang telah dianjurkan oleh pihak institut.

### **Kepentingan Aktiviti Pendidikan Islam Dalam Pembinaan Akhlak Siswa Guru di IPGKIK**

Terdapat lapan kepentingan aktiviti Pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK iaitu guru berakhlak Islamiyyah, amar makruf nahi munkar, biah Islamiyyah, pengisian rohani siswa guru, menepati masa, tazkirah selepas Maghrib dapat meningkatkan ilmu dari segi feqah, akidah dan ibadah, mantapkan hubungan silaturrahim dan menangani masalah sosial.

Kepentingan pertama ialah guru berakhlak Islamiyyah seperti kenyataan peserta kajian pertama iaitu "melahirkan guru yang berakhlak Islamiyyah" (PK1). Begitu juga kenyataan peserta kajian kedua iaitu "aktiviti PSGI secara keseluruhan sangat baik terutamanya dalam memantapkan hubungan silaturrahim, akhlak serta ilmu para siswa guru" (PK2). Seterusnya peserta kajian ketiga menyatakan "membentuk sahsiah, membina integriti dan membina rasa hormat menghormati". Peserta kajian keempat pula menjelaskan "Pendidikan Islam adalah pendidikan yang penting untuk dipelajari walaupun di peringkat pengajian tinggi dalam aspek IPG terutamanya dalam membentuk pelajar yang berakhlak dan bersahsiah terpuji dalam usaha melahirkan bakal-bakal guru yang kelak juga bukan sahaja memberikan ilmu pengetahuan malahan turut diperhatikan peribadinya oleh masyarakat sekeliling. Justeru, Pendidikan Islam dilihat sebagai medium terbaik untuk pembentukan akhlak siswa guru yang terpuji berbanding pendidikan lain/program-program lain kerana tujuannya lebih jelas. Pendidikan Islam juga turut membantu dalam memberi tarbiah secara tidak langsung yang berupaya membuatkan siswa-siswa guru membuat refleksi terhadap diri sendiri" (PK4). Peserta kajian keenam juga mengatakan "Komponen adab dan akhlak dalam Pendidikan Islam merupakan usaha dalam membentuk peribadi yang elok di samping kecemerlangan akademik. Membina sifat mahmudah yang sepatutnya ada pada diri setiap siswa guru" (PK6). Hal ini ditambah lagi oleh peserta kajian ketujuh iaitu penting bagi siswa yang bakal bergelar guru pendidikan Islam mempunyai akhlak yang terpuji" (PK7).

Kepentingan kedua pula ialah amar makruf nahi munkar seperti pernyataan peserta kajian pertama iaitu "dapat menjalankan amar makruf nahi munkar" (PK2). Peserta kajian kelima juga berkata perkara yang sama iaitu "dengan adanya ilmu yang diberi, kita dapat menerapkan amalan amar makruf dan nahi munkar dalam kalangan rakan dan keluarga dengan cara yang betul dan berkesan" (PK5).

Kepentingan ketiga mewujudkan biah (suasana) Islamiyyah. Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian pertama iaitu "mewujudkan biah Islamiyyah dalam kalangan guru Islam". Seterusnya kepentingan keempat iaitu pengisian rohani siswa guru (PK1). Hal ini jelas melalui kata-kata peserta kajian kedua iaitu "aktiviti ini penting untuk mengisi rohani siswa guru dengan bacaan kitab suci al-Quran dan bermunajat" (PK2). Seterusnya kepentingan kelima iaitu pengisian rohani siswa guru. Hal ini jelas melalui kata-kata peserta kajian kedua iaitu "melatih para siswa guru juga untuk menepati masa bagi menghadiri aktiviti-aktiviti tersebut" (PK2) dan peserta kajian kelapan yang menyatakan "dapat memupuk sikap remaja yang menepati masa, seperti solat jemaah di surau IPG" (PK8).

Seterusnya kepentingan keempat iaitu pengisian rohani siswa guru. Hal ini jelas melalui kata-kata peserta kajian kedua iaitu "aktiviti ini penting untuk mengisi rohani siswa guru dengan bacaan kitab suci al-Quran dan bermunajat" (PK2).

Seterusnya kepentingan kelima iaitu pengisian rohani siswa guru. Hal ini jelas melalui kenyataan peserta kajian kedua iaitu "melatih para siswa guru juga untuk menepati masa bagi

menghadiri aktiviti-aktiviti tersebut” (PK2) dan peserta kajian kelapan yang menyatakan “dapat memupuk sikap remaja yang menepati masa, seperti solat jemaah di surau IPG” (PK8).

Kepentingan keenam ialah tazkirah selepas Maghrib dapat meningkatkan ilmu dari segi Feqah, Akidah dan Ibadah. Hal ini jelas melalui kenyataan peserta kajian kedua “aktiviti tazkirah selepas maghrib ini bukan sahaja dapat membentuk akhlak dan perilaku seorang muslim malah juga dapat meningkatkan ilmu dari segi Feqah, Akidah, Ibadah dan sebagainya” (PK2). Peserta kajian kelima menambah iaitu “membuka minda kepada siswa seperti peserta kajian yang hanya bersekolah di sekolah harian biasa. Hal ini kerana, tidak semua siswa guru yang membesar dalam keluarga yang menerapkan agama Islam itu sendiri. Contoh hanya tahu perkara yang wajib sahaja tetapi tidak tahu tentang amalan yang sunnah seperti bacaan mathurat pada pagi Jumaat, bacaan al-Mulk dan sebagainya” (PK5). Peserta kajian kelapan pula menyatakan “sentiasa dapat mengingatkan diri siswa guru dari semasa ke semasa tentang hal ehwal agama seperti fiqh ibadat dan sebagainya melalui ceramah dan tazkirah mingguan” (PK8). Peserta kajian kesembilan pula menjelaskan perkara yang sama iaitu “dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai agama dan dapat mengisi masa dengan perkara yang berfaedah seperti majlis ilmu” (PK9).

Kepentingan ketujuh pula ialah mengeratkan hubungan silaturrahim. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh peserta kajian kedua iaitu aktiviti PSGI secara keseluruhan sangat baik terutamanya dalam memantapkan hubungan silaturrahim, peserta kajian kelapan iaitu “meningkatkan silaturrahim dan meningkatkan sikap rendah diri melalui aktiviti usrah”. Peserta kajian kelapan pula berkata iaitu “meningkatkan silaturrahim dan meningkatkan sikap rendah diri melalui aktiviti usrah” (PK8).

Kepentingan kelapan ialah menangani masalah sosial. Perkara ini dinyatakan oleh peserta kajian kelima iaitu “dapat memberikan kesedaran untuk tidak terjebak dengan gejala yang tidak elok walaupun berada di ibu kota” (PK5). Peserta kajian keenam menyatakan “Pendidikan Islam mampu menangani masalah sosial, apabila seseorang itu terdedah dengan agama sejak kecil, maka agama itu menjadi pakaian dan nasihat baginya” (PK6). Peserta kajian ketujuh juga berkata “aktiviti pembinaan akhlak siswa guru juga penting kerana dapat meningkatkan ketaqwaan kepada Allah” (PK7). Peserta kajian kesembilan pula menyatakan, “kepentingannya dapat menjaga siswa guru daripada kelalaian dan keseronokan dunia” (PK9).

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Aktiviti Pendidikan Islam telah dilaksanakan dalam pelbagai jenis aktiviti yang sesuai sama ada secara rasmi di dalam kelas dan di luar kelas di IPGKIK anjuran Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGKIK dan Persatuan Siswa Guru Islam, IPGKIK. Hal ini bertepatan dengan pendapat Asmawati Suhid et. al (2015) yang menyatakan “bagi menepati dan mencapai maksud *Education For All*, maka perubahan dan peningkatan dalam pengajaran Pendidikan Islam dapat dilihat dari segi pemantapan Kurikulum Pendidikan Islam agar dapat meraikan semua golongan dan jenis murid. Sukatan pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah mengandungi perkara-perkara yang penting dipelajari oleh murid-murid dan disusun sesuai mengikut umur serta kebolehan mereka. Antaranya ialah Tilawah al-Quran, Aqidah, Ibadah, Adab dan Akhlak Islam, Sirah Nabawiyah dan Hadith. Manakala sukatan pelajaran sekolah menengah pula merupakan kesinambungan daripada peringkat rendah bagi memperkukuh dan mendalami ilmu agama”.

Kepentingan aktiviti pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak siswa guru di IPGKIK selari dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang telah dinyatakan oleh Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014) menyatakan “Falsafah Pendidikan Islam merupakan pendokong utama kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Matlamat kedua-duanya adalah selari iaitu ke arah melahirkan generasi Islam yang berilmu dan berakhlak mulia. Keadaan ini telah meletakkan guru pendidikan Islam di kedudukan yang tinggi serta merupakan satu cabaran yang besar kepada mereka dalam menyumbang ke arah merealisasikan apa yang dikehendaki dalam isi kandungan falsafah pendidikan keseluruhannya”.



Amalan amar makruf nahi munkar dapat diaplikasi oleh siswa guru dalam kalangan rakan dan keluarga kerana telah mengetahui cara melaksanakan kesan daripada ilmu yang diperoleh daripada aktiviti pendidikan Islam di IPGKIK. Ini selari dengan pendapat Ahmad Sahlan, Mohd Nizam, & Rosmawati (2020) yang menyatakan aktiviti pendidikan Islam merupakan usaha yang berterusan secara formal atau tidak formal dalam menerapkan nilai dan amalan agama dan dapat mengelakkan seseorang individu daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak. Implikasi daripada dapatan kajian ini, beberapa pihak berkenaan sepatutnya memberi perhatian iaitu:

- i) pihak pentadbir di semua IPG Kampus disarankan agar memberi sokongan kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di IPG Kampus untuk melaksanakan aktiviti pendidikan Islam seperti aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Surau di IPG Kampus, Persatuan Siswa Guru Islam (PSGI) atau persatuan yang berkaitan dengan aktiviti pendidikan Islam secara khusus agar aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada siswa guru dalam pembinaan akhlak dan sahsiah.
- ii) IPGM dicadangkan menyediakan peruntukan khas dan modul khusus aktiviti pendidikan Islam agar aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan berkualiti di semua kampus.

### RUMUSAN

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti pendidikan Islam di IPGKIK sangat penting kerana dapat membina akhlak dan sahsiah siswa guru. Hal ini adalah kerana aktiviti yang dijalankan dapat menambah ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, memberi peringatan, mengeratkan tali silaturrahin sesama siswa guru, melatih siswa guru berketerampilan dengan mengurus aktiviti yang dijalankan, menepati masa dalam menunaikan solat berjemaah di surau, memperbaiki bacaan al-Qur'an dan lain-lain. Aktiviti pendidikan Islam semestinya diberi perhatian oleh pihak pentadbir IPG Kampus khususnya dan IPGM amnya agar bakal guru yang dilahirkan oleh IPG mempunyai akhlak dan sahsiah yang terpuji dan dapat mendidik anak bangsa pada masa akan datang. Kajian yang dicadangkan pada masa akan datang dengan memberi fokus kepada guru-guru lepasan IPGKIK dalam pengamalan pendidikan Islam dalam kehidupan seharian.

### PENGHARGAAN

Penghargaan kepada geran UKM (TAP-K007473) dalam menaja penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

### RUJUKAN

- Ahmad Sahlan, A. H., Mohd Nizam, S., & Rosmawati, M. R. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni Dalam Aktiviti Dakwah Kesenian Di SMKA Negeri Kedah (Student's Perception Towards Formation of Morals (Akhlaq) by Inculcating Noble Values in the Art Da'wah Activity in SMKA of Ked. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 1–16. <https://doi.org/10.11113/umran2020.7n2.398>
- Asmawati, S., Abd. Muhsin, A., Syaza, M. S., & Azreen Efendy, M. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training*, 1(12), 1–7. Retrieved from <http://www.injet.upm.edu.my>

- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran: Pendidikan Islam Tingkatan 2, KSSM.
- Fauziah, Ibrahim Norulhuda, S., Khadijah, A., Mohd Suhaimi, Mohd Noremy, M. A., & Salina, N. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Sosial Science and Humanities*, 7(1), 84–93.
- Fariza, M. S., & Zakaria, S. (2011). Metodologi Dakwah Kepada Remaja: Pendekatan Psikologi Dakwah. *Jurnal Al-Hikmah*, 3, 145–166.
- Jainudin, N., Nurul Huda, M. B., Norlela, A., & Muaz, M. (2017). Tahap Penghayatan Agama Siswa Guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, Jilid 34.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, (December). [http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian Ambilan Jun 2015.
- Nor Azizah, M., Fariza, M. S., & Ahmad Irdha, M. (2019). Pendekatan Dakwah Targhib dan Tarhib dalam membina Adab Remaja. *Hadhari*, 11(2), 267–289.
- Nor Wahida, D., & Muhammad Ridzuan, H. (2018). Tahap Amalan Kerohanian Dari Aspek Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *The 2nd Islamic Management Development Conferenc*, 29–34.
- Yusni, M. Y., Tengku Zahiri, T. A. W., Nurul Hanis, S. A., & Noramira, M. R. (2018). Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM Jilid 3 /2018. *Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM Jilid 3, 2018, 1(3)*, 1–18.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Sekolah. diakses dari <https://www.researchgate.net/publication/301887153>
- Rekod Laporan Prosiding Akta 174 Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas 2009, 2011 dan 2012).